

TABUNG BANTUAN KECEMASAN BANJIR

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 09 November 2010 12:57**Kepada:** UUM - All Staff; UUM All Student

9 NOVEMBER 2010/2 ZULHIJAH 1431H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM ONLINE: ADALAH dimaklumkan bahawa sebilangan rumah kakitangan Universiti Utara Malaysia (UUM) telah dimasuki air dan mengalami kerosakan harta benda berikutan banjir yang melanda beberapa kawasan sekitar Negeri Kedah dan Perlis sejak 2 November 2010 yang lalu.

Sehubungan dengan itu '**Tabung Bantuan Kecemasan Banjir**' telah dilancarkan sebagai satu usaha bagi membolehkan pelbagai pihak atau individu yang ingin menghulurkan sumbangan untuk tujuan berkenaan.

Sumbangan berbentuk tunai bolehlah dimajukan kepada Unit Komunikasi Korporat, Jabatan Canselori sebelum atau pada **16 November 2010 (Selasa)**.

Pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi Encik Mohd. Helmi Khairul Hisyam bin Abu Hanifah di talian 04-928 3066 atau Cik Nur Farah binti Abdul Wahab di talian 04-928 3661.